

**KESAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN DI PINGGIR PANTAI  
KES KAJIAN : TELUK KEMANG-BLUE LAGOON (BATU 8-BATU 10)  
PORT DICKSON**

Oleh

**HALIJAH BT. MOHD YASSIN**

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah  
Kajian Senibina Perancangan dan Ukur  
Institut Teknologi Mara  
Shah Alam

Mei 1996

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirrahim

Syukur kehadiran Ilahi dengan keizininannya dapat saya menyiapkan kajian akhir ini. Ia juga berkat dari kerjasama pelbagai pihak yang telah menyumbangkan buah fikiran, nasihat serta maklumat-maklumat penting untuk keperluan kajian ini.

Ucapan setinggi terimakasih kepada Encik Mohd Yusoff Bin Ismail selaku penyelia kajian yang telah banyak memberikan bimbingan serta tunjuk ajar bagi melengkapkan lagi kajian ini.

Ucapan terimakasih juga kepada kakitangan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Sembilan khususnya En. Zainal Abidin selaku Penolong Pegawai Perancang dan En. Baharuddin Mohd Ariffin, Penolong Pengarah Bahagian Pemasaran Pelancongan Antarabangsa di atas segala nasihat dan bantuan yang diberikan. Tidak lupa juga kepada jabatan dan organisasi yang terlibat dalam memberikan pelbagai maklumat yang diperlukan iaitu Majlis Daerah Port Dickson, Jabatan Laut Dan Hidrologi N. Sembilan, Unit Perancang Ekonomi N. Sembilan, Jabatan Alam Sekitar Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Pelancongan Malaysia.

Buat semua ahli keluarga terutamanya emak dan abah yang banyak memberikan galakan serta dorongan sepanjang pengajian saya. Juga kepada kakak dan abang yang banyak menghulurkan bantuan serta memahami keadaan saya di sini.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan pandangan bernas serta bantuan. Ucapan terimakasih juga kepada pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak di dalam menyiapkan kajian ini.

Wassalam

## ABSTRAK

Industri pelancongan di Malaysia telah mula menampakkan prestasinya sebagai salah satu sektor utama apabila berjaya menyumbangkan 40% dari pendapatan negara. Selaras dengan itu, berbagai usaha dilakukan untuk mempromosikan sumber-sumber pelancongan di negara ini khususnya kepada pelancong luar. Di sebalik kepentingan sektor ini, perancangan dan pelaksanaan yang teliti perlu diambilkira supaya tidak menimbulkan implikasi fizikal terutamanya kepada kawasan yang dibangunkan. Ini kerana selain dari membawa kesan positif, pembangunan pelancongan juga membawa beberapa masalah yang melumpuhkan keefisyenan pembangunan khususnya untuk kebaikan akan datang.

Port Dickson merupakan salah satu destinasi pelancongan yang menerima limpahan ekonomi ekoran pembinaan Lapangan Terbang Antara Bangsa Sepang. Justeru itu berbagai strategi dilakukan untuk pembangunan daerah ini yang merangkumi pembangunan pelancongan di sepanjang pinggir pantai Port Dickson. Untuk mencapai objektif sebagai pusat pelancongan utama negara, berbagai alternatif pembangunan dilakukan termasuklah pembinaan hotel dan penginapan bertaraf antarabangsa bagi menampung kedatangan pelancong yang dijangka meningkat apabila beroperasi projek KLIA kelak. Akibat keghairahan pembangunan ini, Port Dickson turut menerima berbagai implikasi pembangunan yang melibatkan aspek fizikal dan semulajadi.

Implikasi pembangunan yang menimpa pinggir pantai ini mula mendapat perhatian dari pelbagai pihak, namun tiada usaha yang serius diambil untuk menanganinya. Malah hari ini ianya dianggap sebagai satu fenomena sedangkan pembangunan di kawasan ini terus dilaksanakan dengan pesatnya. Oleh itu, penyediaan kajian ini bertujuan untuk mengetahui kesan pembangunan pelancongan pinggir pantai dan sejauh manakah kesan yang dapat dilihat hasil dari kegiatan pembangunan ini ke atas aspek fizikal dan semulajadi pantai.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isikandungan	iii
Senarai Jadual	ix
Senarai Carta	x
Senarai Gambarfoto	xii
Senarai Pelan	xiv
Senarai Lampiran	xv

**ISI KANDUNGAN**

**BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kenyataan Masalah	3
1.2.1	Saliran Air Buangan Terus Ke laut	3
1.2.2	Kemudahan Pantai Untuk Orang Awam	5
1.2.3	Air Yang Berlumpur	5
1.2.4	Pencemaran Kualiti Air	7
1.2.5	Keindahan Dan Alam Semulajadi	7
1.3	Tujuan Kajian	8
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Skop Kajian	9
1.6	Kawasan Kajian	10

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Industri pelancongan di Daerah Port Dickson telah menjadi satu identiti kepada daerah ini. Tarikan utama pelancongan di Port Dickson adalah berasaskan pantai berpasir sepanjang 11 km yang di antaranya terdapat tanjung dan teluk yang cantik. Pelancongan juga merupakan sektor yang penting dalam perancangan pembangunan bagi daerah Port Dickson. Oleh itu kepentingan aktiviti ini telah dikenalpasti dengan menjalankan berbagai alternatif cadangan terhadap pembangunan pelancongan.

Ini bertepatan dengan objektif **Rancangan Malaysia ke 7** (1996 - 2000) iaitu untuk menggiatkan sektor perkhidmatan seperti pelancongan yang bertujuan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan ke arah meningkatkan pendapatan penduduk dengan tujuan mengurang dan membasmi kemiskinan.

(Sumber: Rancangan Struktur Majlis Daerah Port Dickson. Majlis Daerah Port Dickson, 1991)